

Kata dikota janji dilaksanakan

Umno, kerajaan pertahan kepentingan negara dengan sebaik cara: Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan, kepemimpinannya yang berlandaskan 12 gagasan sejak mewarisi kerajaan tiga tahun lalu, masih menepati janji kepada rakyat.

Presiden Umno, yang menjawab pelbagai persoalan, kritikan dan perdebatan mengenai kepemimpinannya, berkata beliau mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap urusan pentadbiran negara.

Menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Abdullah mengimbuai 12 gagasan dibentangkannya di Dewan Rakyat pada 3 November 2003, supaya rakyat boleh membuat perbandingan antara harapan dengan pencapaian.

"Wawasan utama untuk menjadi negara maju menjelang 2020 tidak diubah, Matlamat yang terkandung

12 Gagasan

- Kepemimpinan politik
- Sistem demokrasi
- Pembangunan modal insan
- Pertumbuhan ekonomi
- Pembangunan masyarakat perdagangan, perindustrian dan sains dan teknologi Bumiputera
- Sektor swasta sebagai penjana ekonomi
- Meningkatkan prestasi sektor awam
- Menangani rasuah
- menguatkuasakan undang-undang
- Penyertaan warga muda dan wanita
- Mempertahankan kedaulatan negara
- Membina perpaduan nasional

dalam Dasar Ekonomi Baru untuk membina warga yang bersatu padu melalui penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan, tetap dipertahankan.

"Jika ada yang dikatakan berubah, (ia) adalah cara dan kaedah pelaksanaan untuk disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa," katanya dalam ucapan 90 minit bertajuk 'Kata Dikota' yang kerap terhenti oleh tepukan gemuruh perwakilan dan pemerhati di Dewan Merdeka.

Ucapan Perdana Menteri itu, yang dilihat sebagai menjawab kritikan tetapi tidak menamakan sesiapa, disampaikan dengan nada mendar tanpa meninggikan suara.

Jawapannya itu termasuk persoalan yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, agar ahli Umno dan rakyat keseluruhannya dapat menilai ra-

sionalnya di antara senario masa lalu dan masa kini.

Dua belas gagasan itu antara lain ialah mengenai kepemimpinan politik; sistem demokrasi; pembangunan modal insan; pertumbuhan ekonomi; pembangunan masyarakat perdagangan, perindustrian dan sains dan teknologi Bumiputera; sektor swasta sebagai penjana ekonomi; meningkatkan prestasi sektor awam; menangani rasuah; menguatkuasakan undang-undang; penyertaan warga muda dan wanita; mempertahankan kedaulatan negara; dan membina perpaduan nasional.

Dr Mahathir, di sebalik tuduhan terhadap Abdullah yang berkisar di antara nepotisme dan tidak berterima kasih, turut mendakwa Perdana Menteri menterbalikkan dasar sebelumnya, menyalah urus' ekonomi dari memimpin negara ke haluan yang silap.

Malah, bekas Perdana Menteri menyifatkan kepemimpinan Abdullah sebagai penakut selain tuduhan menjual kedaulatan negara semata-mata kerana membatalkan cadangan membina jambatan bengkok menggantikan Tambak Johor.

Abdullah bagaimanapun menegaskan, Umno dan kerajaan tidak membenarkan sesiapa mengambil kesempatan, sebaliknya akan mempertahankan kepentingan negara dengan sebaik cara.

"Kita tidak sekali-kali akan menedahkan Malaysia kepada keadaan yang kedudukan kita boleh dikompromikan atau tindakan undang-undang dikenakan terhadap kita.

"Setiap keputusan diambil adalah untuk melindungi kepentingan negara, tidak timbul soal berani atau

LIHAT MUKA 2

• Ucapan penuh di muka 12-15

Kejayaan petani bantu sebar kekayaan ke luar bandar

DARI MUKA 1

takut. Setiap yang dilakukan ada akibatnya. Kita tidak akan meneruskan sesuatu jika akibatnya boleh mengkompromikan kepentingan nasional," katanya.

Berhubung dakwaan kononnya Malaysia sudah hilang suara di pentas dunia, Perdana Menteri menegaskan, pendekatan diplomasi pintar berbanding berkonfrontasi, tidak menjadikan negara ini lemah atau sudah mengalah.

"Kaedah yang dipilih adalah laluan untuk sampai ke destinasi, yang penting kita mencapai matlamat; jika dengan berbisik lembut, matlamat tercapai, apalah perlunya lagi bagi kita mahu melaung," katanya.

Presiden Umno juga menjelaskan, usaha membangunkan sektor pertanian dan industri asas tani kepada tahap nilai tambah yang lebih tinggi bukan langkah ke belakang. Sebaliknya akan memberi kelebihan persaingan kepada negara.

"Kejayaan petani sebenarnya membantu usaha menyebarkan kekayaan ke kawasan luar bandar. Saya berhasrat melihat dompet petani Bumiputera dan tas tangan isteri mereka dipenuhi wang, untuk mereka dapat melancong dan berbelanja di

kota dan di bandar raya," katanya.

Abdullah berkata, transformasi ekonomi adalah sesuatu yang perlu dilakukan kerana era untuk negara bergantung kekayaan kepada pelaburan langsung asing (FDI) serta kontrak kerajaan dan penswastan yang bukan bersumberkan inovasi dan kreativiti, sudah berlalu.

Perancangan kerajaan bukan sekadar untuk mengurus ekonomi secara biasa kerana Malaysia tidak akan kekal kompetitif dalam jangka panjang jika terus mengurus ekonomi sedia ada dengan cara serupa.

"Kita tidak boleh lagi menawarkan Malaysia sebagai tapak kilang dunia berasaskan kos buruh yang rendah. Berulang kali saya tegaskan pentingnya kita meningkatkan rantai nilai, dengan merubah model ekonomi kita.

"(Bagaimanapun), transformasi ini tidak akan memperlihatkan hash dalam tempoh yang singkat, (sebaliknya) ini memerlukan usaha memahamkan rakyat yang mahu melihat hasil secara segera," katanya.

Kritikan Dr Mahathir sebelum ini bahawa kerajaan kini mempunyai banyak wang untuk berbelanja lebih, termasuk daripada keuntungan besar Petronas, turut dijawab Perdana Menteri.

"Benar, Petronas ada wang tetapi kita wajib mengamalkan disiplin,

membezakan antara wang milik Petronas dan wang milik kerajaan. Jika kita mula menyeluk saku sesuka hati di mana saja, hingga menyeluk saku orang lain, kita sebenarnya melanggar amanah, kita menyalah urus dana.

"Demikian juga dengan pasaran saham. Jika kita mahu segera merangsang pasaran saham, saya boleh dapatkan persetujuan Jemaah Menteri untuk melakukan penyenaarai Petronas dan Felda.

"Petronas secara bersendirian dapat menambah RM400 bilion kepada modal pasaran saham Malaysia dan secara segera, meletakkan kita terus menjadi antara pasaran saham terbesar di Asia.

"Tetapi kita sama sekali tidak harus menggadaikan kepentingan strategik negara dan bangsa semata-mata untuk melihat kejayaan segera. Usaha menarik pelaburan dan merancakkan pasaran saham secara mampan, tidak boleh mengikut cara memasak mi segera," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga boleh meningkatkan angka FDI berlipat ganda hanya dengan secoret pena dengan menurunkan tanda tangan persetujuan tetapi akibatnya negara akan hilang kawalan.

"Jika ini dilakukan, saudara-saudari akan menjadi barisan pertama yang akan mengecam saya. Selagi Allah

SWT memberikan saya petunjuk kekuatan, saya berjanji untuk sama sekali tidak akan membawa bangsa menerima nasib Pak Kadok: menang sorak, kampung tergadai," katanya.

Beliau turut mengulangi bahawa kajian Institut Strategik Kepemimpinan Asia (Asli) yang mendakwa pegangan ekuiti Bumiputera melepasi 45 peratus ebrbanding peratusan sebenar 18.9 peratus, tidak betul sama sekali.

Malah, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, tindakan mempertikaikan kaedah pengiraan dilakukan Unit Perancang Ekonomi umpama mengatakan bahawa kerajaan berbohong.

"Saya perlu tegaskan bahawa kaedah yang digunakan oleh kerajaan adalah komprehensif, kaedah yang digunakan secara konsisten sejak 1971 lagi," katanya.

Abdullah mengajak rakyat terus memerangi rasuah kerana usaha memerangnya tidak dapat mencapai kemenangan jika sekadar ditumpukan kepada aktiviti menangkap dan mendakwa.

"Ada tanggapan mengatakan saya memperlakukan langkah menentang rasuah kerana tiada tangkapan yang dilakukan. Tiada tangkapan tidak bermakna saya tidak terus melakukan pemantauan. Ia memerlukan

usaha berpanjangan, usaha berterusan," katanya.

Mengenai konsep Islam Hadhari yang disalahertikan oleh sesetengah pihak sebagai satu alasan untuk menjadi lebih konservatif atau lebih radikal, beliau menjelaskan ia adalah satu falsafah penting dalam pendekatan ke arah menjalani hidup sebagai umat Islam yang baik, bahawa agama Islam mengajar umatnya lebih daripada hukum hakam dan larangan.

"(Malangnya), budaya yang diamalkan selama bertahun-tahun kini ditakrifkan sebagai haram, seperti mengucapkan selamat kepada warga Malaysia yang berlainan agama sempena hari perayaan mereka.

"Apakah kita sudah sampai ke tahap tidak toleran seperti ini? Rumah terbuka yang dikongsi antara kaum turut dikutuk. Bilakah kita menjadi ultra-konservatif? Ini bukan Islam Hadhari. Sikap ini mengancam toleransi unik yang dikenali di kalangan umat Islam Malaysia.

"Kita tidak menjadi lebih Islam dengan tidak mengucapkan selamat kepada seorang yang bukan Islam pada musim perayaan mereka, sama seperti ia tidak menggoncang iman saya dengan menghadiri rumah terbuka Deepavali atau Krismas," katanya,

Pada akhir ucapannya, Abdullah menyimpulkan bahawa teguran dan

kritikan adalah sesuatu yang sihat tetapi perlu dilakukan secara jujur, konstruktif dan rasional untuk kebaikan bersama supaya ia menjadi amal jariah yang membawa ke arah kebaikan.

"Perbezaan kaedah akan berlaku berasaskan keadaan semasa; ia adalah sesuatu yang normal. Janganlah kita bertelagah kerana kita berlainan cara dan berbeza gaya. Jangan sumber, tenaga, masa dan fikiran kita bazirkan dengan melakukan perkara-perkara yang destruktif yang merugikan semua pihak.

"Amatlah rugi kepada negara bangsa jika kita terlalu taksu untuk berselisih. Dunia adalah terlalu kecil untuk dijadikan pentas bertelagah dan jangka hayat adalah terlalu singkat untuk kita mahu bersengketa," katanya.

Seiring dengan ingatan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat bertekad menumpukan fikiran dan tenaga bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan bersama menepis segala gangguan yang boleh menjejaskan tumpuan mencapai Misi Nasional.

Sebelum menghabiskan ucapannya, Abdullah mengajak semua ahli Umno untuk sama-sama memohon doa ke hadrat Ilahi semoga Dr Mahathir segera pulih kesihatannya.